

CROTOCORT CREAM

Crotamiton (10%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Crotocort Cream
2. Bagaimana Crotocort Cream Berfungsi
3. Sebelum menggunakan Crotocort Cream
4. Cara menggunakan Crotocort Cream
5. Semasa menggunakan Crotocort Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Crotocort Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Crotocort Cream Digunakan;

- Untuk melegakan kegatalan
- Untuk merawat kudis buta.

Bagaimana Crotocort Cream Berfungsi

Crotamiton berfungsi dengan membunuh kutu yang menyebabkan kudis buta. Crotamiton juga melegakan kegatalan dengan menghasilkan rasa yang sejuk dan membantu mengalihkan perhatian anda daripada rasa gatal.

Sebelum menggunakan Crotocort Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda hipersensitif terhadap Crotamiton atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang tersenarai di hujung risalah ini.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor jika anda mempunyai sebarang

- Masalah kesihatan atau jika anda hamil/menyusu. Ibu yang sedang menyusu harus mengelak daripada menyapu Crotamiton pada bahagian puting payudara.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Crotocort Cream

-Berapa banyak harus digunakan

1. Selepas mandi dengan air suam, keringkan badan anda.
2. Sapukan Crotamiton ke seluruh permukaan badan bermula daripada dagu hingga ke bahagian bawah sehingga ia diserap sepenuhnya terutamanya pada bahagian lipatan kulit.
3. Apabila menggunakan Crotamiton, perhatian harus diberikan pada bahagian yang mudah terdedah kepada jangkitan.
4. Jangan bersihkan lapisan pertama ubat.
5. Sapukan lapisan kedua Crotamiton selepas 24 jam lapisan pertama disapukan
6. Mandi selepas 48 jam lapisan kedua disapu untuk membersihkan badan.
7. Untuk mengelakkan jangkitan semula, gunakan pakaian yang baharu dibasuh dan tukar selimut, sarung bantal, bantal serta sarung tilam di tempat tidur anda.

-Bila perlu digunakan

Kegatalan

Sapu 2 atau 3 kali sehari sehingga tiada rasa kegatalan.

Kudis buta

Sapu sekali sehari, sebaiknya pada waktu malam.

Untuk kanak-kanak, jangan gunakan crotamiton lebih daripada sekali sehari.

-Berapa lama perlu digunakan

Sapu 3-5 hari, bergantung kepada kadar pemulihan anda

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Crotocort Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Ikut nasihat doktor

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan penggunaan tanpa nasihat doktor.

Jangan berikan ubat berkenaan kepada orang lain yang mengalami masalah yang sama.

Jangan gunakan Crotocort Cream pada kulit yang meradang, berair atau luka.

Jangan guna ubat lebih daripada yang disyorkan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena pada mata dan membran mukus.

Jauhkan daripada kawasan mulut kerana boleh memudarata jika tertelan.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat lain Crotocort Cream juga boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua yang mendapatnya. Antaranya ialah iritasi pada kulit.

CROTOCORT CREAM

Crotamiton (10%w/w)

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan setelah menggunakan ubat berkenaan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers →Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Crotocort Cream

-Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya dan jangan sejukbekukan. JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim yang putih, licin dan lembut.

-Bahan-bahan Kandungan

-Bahan aktif yang digunakan ialah Crotamiton.

-Bahan-bahan tidak aktif yang digunakan ialah propylene glycol, white soft paraffin, cetostearyl alcohol, methyl paraben, propyl paraben emulsifier dan pewangi.

-Nombor MAL: MAL19971346XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS
SDN.BHD(218628-M)
Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate
08000,Sungai Petani
Kedah Darul Aman,Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP:08/12/2022

Nombor siri:

NPRA(R4/1)070922/00064